

DB28

B B426 BAH
MAHATHIR-INSTITUSI R'R'R'

KUCHING, 3 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA ADA PIHAK CUBA MEMPERALATKAN INSTITUSI-INSTITUSI TERTENTU UNTUK MEREBut KUASA PEMERINTAHAN DARIPADA RAKYAT.

KATANYA, INSTITUSI-INSTITUSI ITU CUBA MENGGUNAKAN PELBAGAI CARA TERMASUK UNDANG-UNDANG SERTA SANGGUP JUGA MEMBELAKANGKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MENIDAKKAN KUASA RAKYAT.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA MELANCARKAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT (SEMARAK) PERINGKAT NEGERI SARAWAK DI KAMPUNG GITA DI SINI. SARAWAK MERUPAKAN NEGERI KELIMA YANG MELANCARKAN GERAKAN ITU.

PERDANA MENTERI YANG BERUCAP DALAM HUJAN LEBAT DI HADAPAN BERIBU-RIBU RAKYAT PELBAGAI KAUM NEGERI INI, BERKATA RAKYAT HENDAKLAH MENJAGA DEMOKRASI DAN MENGEKALKAN KUASA MEREKA KERANA KINI ADA PIHAK CUBA MERAMPAS KUASA ITU DARIPADA MEREKA.

+ KITA TIDAK MAHU MANA-MANA INSTITUSI YANG KITA ADAKAN UNTUK MENJAYAKAN NEGARA DALAM MENENTUKAN KEAMANAN DAN KEADILAN DIPERALATKAN OLEH ORANG-ORANG TERTENTU YANG INGIN MEREBut KUASA DARIPADA RAKYAT,+ KATANYA. --LAGI

1833MST 03 07 88

B B431 BAH
MAHATHIR-INSTITUSI 2 KUCHING R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT TIDAK HARUS MEMBIARKAN PERKARA ITU BERLAKU KERANA INSTITUSI-INSITUSI ITU MASING-MASING MEMPUNYAI PERANAN DAN SEPATUTNYA MEREKA MENJALANKAN PERANAN ITU DENGAN SEMPURNA MENGIKUT PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG.

BELIAU BERKATA ADA JUGA ORANG-ORANG TERTENTU YANG DILANTIK MEMEGANG JAWATAN TERTENTU DAN BUKANNYA DIPILIH OLEH RAKYAT MENGGUNAKAN KEDUDUKAN MEREKA UNTUK MEREBut KUASA DARIPADA RAKYAT DAN INI MERUPAKAN PERKEMBANGAN YANG TIDAK SIHAT.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA BERSATU PADU DAN JANGAN MEMBIARKAN MEREKA DIPIMPIN OLEH SEGELINTIR ELITIS TETAPI SEBALIKNYA MEMPERTAHANKAN CARA DEMOKRASI KERANA MEREKA DAPAT MEMERINTAH SENDIRI.

DENGAN CARA ITU, KATANYA JIKA ADA PEMIMPIN YANG TIDAK SETIA PADA RAKYAT, MEREKA SENDIRI BOLEH MENAMATKAN +RIWAYAT+ PEMIMPIN ITU.

KATANYA, LAGI RAKYAT HENDAKLAH MEMILIH PEMIMPIN YANG DAPAT MEMBANGUNKAN MEREKA DAN BUKAN MEREKA YANG TAMAK DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. --LAGI

1844MST 03 07 88

U 8435 DEB
MAHATHIR - INSTITUSI 3 KUCHING R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGULANGI BAHAWA GOLONGAN MINORITI SEPATUTNYA MENGIKUTI KEHENDAK MAJORITI DAN BUKANNYA CUBA MENGHALANG ATAU MENIDAKKAN KUASA SUARA RAMAI.

BELIAU JUGA MENIMBULKAN PERBUATAN PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG MENYEBARKAN FITNAH TERHADAP NEGARA SEPERTI OLEH SEBUAH STESEN TELEVISYEN AUSTRALIA YANG MENGATAKAN KONONNYA MALAYSIA MERUPAKAN NEGARA POLIS.

KATANYA STESEN ITU TELAH MENGAMBIL GAMBAR TELEVISYEN MENGENAI KEGIATAN ANGGOTA POLIS DI MERATA-RATA TEMPAT SEPERTI KETIKA MEREKA SEDANG BERKAWAD, BERJALAN, MENGUNCI DAN MEMBUKA PINTU, UNTUK MENUNJUKKAN KONONNYA POLIS MEMERINTAH NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU ADALAH FITNAH OLEH MEREKA YANG BERNIAT JAHAT. RAKYAT AKAN BERASA LEGA JIKA MELIHAT POLIS MENJAGA KESELAMATAN MEREKA DAN TAKUT JIKA KESELAMATAN MEREKA TIDAK TERJAMIN.

BELIAU JUGA BERKATA SEJAK NEGARA MERDEKA LEBIH 30 TAHUN DAN SARAWAK 25 TAHUN, BANYAK PEMBANGUNAN DAPAT DIBAWA KEPADA RAKYAT SEHINGGA TIDAK SEORANG PUN RAKYAT NEGARA INI BOLEH MENGATAKAN YANG IA TIDAK MENDAPAT SATU PUN NIKMAT PEMBANGUNAN. -- LAGI.
1908MST 03 07 88

D860

U 8440 DEB
MAHATHIR - INSTITUSI 4 KUCHING R'R'R'

TEGASNYA, SEMUA RAKYAT MENIKMATI PEMBANGUNAN DAN TIDAK ADA YANG KETINGGALAN WALAUPUN DI SARAWAK YANG TERPISAH JAUH DENGAN SEMANJUNG MALAYSIA OLEH LAUTAN.

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD BERKATA RAKYAT SARAWAK YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI SUKU KAUM KINI BIJAK KERANA DAPAT MEMPERTAHANKAN PERPADUAN MEREKA DAN MENJAGA KESTABILAN NEGERI INI.

KATANYA PELBAGAI KHBAR ANGIN DAN DAKYAH TERSEBAR DI KALANGAN RAKYAT SUPAYA MEREKA MERASA SYAK WASANGKA TERHADAP SATU SAMA LAIN.

TETAPI RAKYAT SARAWAK TELAH MENUNJUKKAN MEREKA TIDAK DAPAT DIHASUT UNTUK MEMPERCAYAI PROPAGANDA YANG BERTUJUAN MENJATUHKAN KERAJAAN, KATANYA.

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BERKATA PERHIMPUNAN SEMARAK HARI INI MENUNJUKKAN RAKYAT BERSATU PADU DAN TAAT KEPADA NEGARA DAN TAHU ERTI DEMOKRASI.

BELIAU JUGA BERKATA PERDANA MENTERI YANG TELAH DIBERI MANDAT OLEH RAKYAT MEMIMPIN NEGARA INI DALAM PILIHAN RAYA UMUM DUA TAHUN LEPAS HENDAKLAH MENERUSKAN AZAMNYA MENGISI PEMBANGUNAN NEGARA. --
BERNAMA.

1931MST 03 07 88